# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# SELASA 19 SEPTEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | MAT SABU: BERNAS LOWER DOWN LOSS OF COST, ONLY INCREASE PRICE OF IMPORTED RICE, NATION, KWONG WAH YIT POH -A6a | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | MAT SABU: ENOUGH LOCAL RICE IN STOCKPILES TO LAST FIVE MONTHS, NATION, CHINA PRESS -A7 | |
| 3. | MAT SABU: NO NEED TO DRAW ON GOVERNMENT RICE STOCKPILES, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 | |
| 4. | NO PLANS TO BAN FOREIGNERS FROM BUYING LOCAL RICE, NATION, SIN CHEW DAILY -3 | |
| 5. | PESAWAH SELANGOR GUSAR HASIL PADI 70 PERATUS KURANG, MUKA DEPAN, UM -1 & 2 | |
| 6. | BEKALAN BERAS NEGARA MENCUKUPI, TIADA KEPERLUAN GUNA STOK PENIMBAL, MUKA DEPAN, BH -1 | |
| 7. | JUMPA MENTERI INDIA CARI PENYELESAIAN ISU SEKATAN EKSPORT BERAS, NASIONAL, BH -9 | |
| 8. | 'BEKALAN BERAS KURANG KERANA BELIAN PANIK', NASIONAL, SH -3 | |
| 9. | SHAHIDAN GESA KERAJAAN FOKUS TANGANI HARGA BERAS, NASIONAL, SH -3 | |
| 10. | HARGA BERAS IMPORT MUNGKIN NAIK?, DALAM NEGERI, UM -30 | |
| 11. | STOK BERAS SEJUTA TAN, CUKUP 5 BULAN, DALAM NEGERI, UM -6 | |
| 12. | STOK BERAS CUKUP, TAMPUNG KEPERLUAN SEHINGGA 5 BULAN, NEGARA, KOSMO -4 | |
| 13. | CADANG TUNJUK IC, MUKA DEPAN, HM -1 | |
| 14. | CADANGAN B40 TERUS DIHIMPIT KOS HIDUP TINGGI, LOKAL, HM -4 | |
| 15. | 'APUNGKAN HARGA KAEDAH TERBAIK, LOKAL, HM -4 | |
| 16. | 'TUNJUK IC SEBELUM BELI BERAS SUBSIDI', LOKAL, HM -4 | |
| 17. | USAH BENAR WARGA ASING BELI BERAS TEMPATAN, LOKAL, HM -4 | |
| 18. | INI BUKAN SOAL DISKRIMINASI: DR AKMAL, LOKAL, HM -5 | |
| 19. | DISEBABKAN BERLAKU PEMBELIAN PANIK!, LOKAL, HM -5 | |
| 20. | RICE PRICE HIKE AFFECTS STUDENTS, LETTERS, NST -16 | |
| 21. | MAT SABU: TALKS WITH INDIA SOON ON RICE IMPORTS, NATION, NST -5 | |
| 22. | 'RICE SUPPLY ISSUES TO BE RESOLVED SOON', NATION, THE STAR -7 | |
| 23. | ONLY THE BRAVE RIDE BULLS, MAT SABU TELLS HADI IN CHEEKY RESPONSE, NATION, THE STAR -8 | |
| 24. | PROGRAM JUALAN RAHMAH BERAS HARI INI, NASIONAL, BH -9 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| Headline | Mat Sabu : BERNAS lower down loss of cost, only increase price of imported rice | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 19 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A6a | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 172 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,928 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,784 |



## 农长：国稻降低成本损失
# 只调涨进口米价

国会 新闻

（吉隆坡 18 日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布说，本地白米价格维持每公斤 2 令吉 60 仙不变，只有进口白米涨价。

“从 2023 年开始，国家稻米公司（BERNAS）受到双重影响，因为它不仅要消化不断上涨的成本，而且还要比平时多供应 38%的白米。尽管如此，Bernas 仍致力于进口白米以满足供应。

“进口白米从 2023 年 9 月 1 日起调涨高达 36%，即每公吨 2350 令吉涨至 3200 令吉，Bernas 此举旨在降低采购成本和进口成本日益增加的损失。”

末沙布今天在国会下议院就第 12 大马计划中期检讨报告动议进行部门总结辩论时说，农粮部正积极采取措施提高稻米产量，以期实现 2030 年达到八成自供自给率（SSR）的目标。

他说，其中大规模智能稻田计划（Smart SBB）将进一步推广，放眼覆盖 15 万公顷稻田，平均产量达每公顷 7 吨。

此外，莫哈末沙布说，农粮部于本月 15 日与商业公会举行会谈，并献议发出批发准证予商业公会下注册的食肆业者。

“通过批发准证，食肆业者可享有固定进口白米价格，即每50公斤160令吉。”#



末沙布：食肆业者可享有固定进口白米价格，即每 50 公斤 160 令吉。

## 末沙布被指“骑牛不知牛价”
## 笑称邀哈迪去西班牙骑牛

伊斯兰党主席丹斯里哈迪阿旺指责农业及粮食安全部长莫哈末沙布只会骑牛却不知牛价，结果末沙布半开玩笑地邀请哈迪一起去西班牙骑牛。

末沙布笑称：“例如在万捷，我去支持，我骑上一头牛。我想邀请马江（国会议员哈迪）——找天我们去西班牙骑‘斗牛’（matador）。因为只有勇敢的人才敢骑牛。这类斗牛我们不曾在大马饲养过，如果在大马有，我要邀请马江来骑牛，若有胆量的话......”

上周三（13 日），哈迪在国会下议院指摘末沙布应该解决肉价问题，而不是骑牛。农长周一在议会上回应此事时，反而邀请哈迪一起去西班牙骑牛。

他表示，无论哪个政治联盟治理国家，农业部都将继续确保全国粮食安全。

“最重要的是合作。我们想要的是国家有足够的白米。”

他还表示，乌鲁登嘉楼国会议员拿督罗索瓦西声称当地白米价格上涨前，应当先了解实际情况。

“白米维持在 2 令吉 60 令吉（每公斤）......本地白米的价格没有上涨。而是进口白米的价格上涨了。”

“你还没听好就过来打断了。然后，你回去告诉你的选民我说的话。我对这个问题并不生气。我已经习惯了成为反对党的一员。”，末沙布此言即引起议员们的哄堂。#

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu: Enough local rice in stockpiles to last five months | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 19 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A7 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 574 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 11,322 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 33,966 |






## 末沙布：擁90萬公噸庫存

# 白米可應付5個月

（吉隆坡18日讯）农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布有信心，在该部采取的一系列干预行动下，本地白米短缺的问题可以解决。

他说，我国如今的白米库存达90万公吨白米，可以足够应付国家4至5个月的白米需求。

“这90万公吨分别有65万公吨为贸易库存，25万公吨为政府库存。

“目前65万公吨贸易库存已足够应对市场需求，无需动用到25万公吨的政府库存。”

莫哈末沙布今天在国会下议院，就第12大马计划中期检讨报告辩论进行部门总结时也提到，白米短缺的问题曾在2008年和2014年出现，当时都妥善处理。

“如今，我也有信心能妥善解决这个危机。”

### 分階段增加生產量

他指出，在本次的国会特别会议中，151名辩论的国会议员中，有60人触及农业部的课题，证明国会议员都非常关注民生课题。

他强调，农业部对于白米短缺危机展开了一系列的干预措施，包括对批发商、碾米厂、杂货商店等展开突击检查，确保没有非法囤米、供应稳定、质量受保障等；限制个人或公司不可购买超过100公斤白米；与各个利益相关者展开协商等。

莫哈末沙布指出，本地白米短缺是基于进口白米价格暴增而引发的恐慌购买。

“当进口白米价格提高后，消费者则寻求本地白米，促使本地白米成为主要需求品，进而导致本地白米出现一点短缺。”

他补充，透过与碾米厂展开的本地白米特别计划，分阶段在一年内额外增加白米20%生产量，相信白米供应能在一个月内恢复。



■莫哈末沙布

## 「突擊檢查」沒發現 改裝本地米高價賣？

莫哈末沙布指出，没有证据表明本地白米改装成进口米，以更高价格出售给民众。

他说，早前有媒体揭发，一些批发商试图把本地白米包装成进口米，以逃避政府对本地白米制定的价格管控。

他说，在收到投报后，该部随即在8月16日，对碾米厂和批发商展开突击检查。

“这些调查行动没有发现强有力的证据，证实这些指控。”

此外，莫哈末沙布提到农业部限制个人或商家购买超过100公斤白米，作为确保市场白米充足的其中一项措施。

随后，土团党马樟国会议员袁怀绍询问，针对马六甲行政议员建议，禁止外国人购买本地白米，农业部是否已经做了决定？

莫哈末沙布则回答：“还没做决定，因为外国人也要吃饭。别忘了，他们工作和服务来发展我们的国家。

“因此，现阶段还没有（决定要落实）这项建议。”

基于本地白米的价格受到管制，比进口白米价格便宜许多，因此早前有马六甲行政议员建议，政府应该禁止外国人购买本地白米。

## 本地白米頂價維持2.60

莫哈末沙布强调，本地白米的价格依然维持每公斤2令吉60仙，如果有人贩售高于统制价格，将会抵触法令，并受到当局对付。

他指出，进口白米在2022年8月已经提高60%，但国家稻米公司（BERNAS）当时决定维持价格，导致BERNAS蒙受亏损。

他说，直到今年9月1日，BERNAS才调涨进口白米价格，从每吨2350令吉提高至3200令吉。

“不过，本地白米的价格还是维持每公斤2令吉60仙。”

对此，反对党议员纷纷起哄，并称最大问题在于买不到本地白米，所以才被逼购买更贵的进口白米。

不过，莫哈末沙布并没有正面回应。

另一方面，国盟亚娄国会议员拿督斯里沙希淡建议，政府缩减所有部门的开销，把拨款集中给农业部，以解决白米短缺的问题。

他指出，白米是大家的主要粮食，如果政府不出手解决，白米价格将暴增至80令吉，到时人民对政府的怒气更深。

莫哈末沙布则强调，这只是亚娄国会议员的个人想法。

他重申，白米库存充足，也没有出现换包装问题。

“如果有发现换包装，请向我们投报，我们会采取行动。”

## 與印度商出口限制方案

莫哈末沙布说，农业部正在与印度政府努力协商，以寻求出口限制的最佳解决方案。

他说，他会在近期与印度农业部长会面。

“同时，国家稻米公司（BERNAS）也正在与越南、泰国和柬埔寨等白米来源国协商。”

另外，他说，政府也已经采取了数项策略提高本地白米的生产，并放眼在2030年能达到80%白米自给率的目标。

这些举措包括扩大稻米种植地、展开一年5次稻米收成季节的项目、透过研发把稻米收成的时间缩短至少于75天等。

Powered by: isentia

| Headline | Mat Sabu: No need to draw on government rice stockpiles | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 19 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 475 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,975 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,925 |



## 末沙布：可应付5个月

# 不动用政府白米库存

（吉隆坡18日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布说，我国白米供应目前仍有90万公吨的库存，其中25万公吨为政府库存，65万公吨是贸易库存，足以维持4至5个月的白米供应需求。

他表示，目前该库存仍可满足国内需求，不至于要动用政府库存。

"农业部正积极落实增加国家稻米产量的措施，以期在2030年实现白米供应自给率达到80%的目标。"

莫哈末沙布今日在国会下议院针对第12大马计划中期检讨报告部门总结时说，该部所采取的措施，包括落实大规模智能稻田计划（SMART SBB），放眼在全国15万公顷的稻田种植区，取得每公顷平均7公吨产量。

"这项计划并没使用政府任何额外拨款，是由参与计划的公司承担每公顷高达3200令吉的运营成本。"

### 与印度商出口限制

至于进口白米应对方案，他指该部将与印度政府谈判，以在出口限制问题上得出最佳解决方案。

"我们还在努力与印度政府谈判，我将在近期内与印度农业及农民福利部长举行会议。"

莫哈末沙布说，国家稻米公司也正在与越南、泰国和柬埔寨等其他白米来源国谈判。



莫哈末沙布：目前白米库存仍可满足国内需求，无需动用政府库存。

## 额外发放2.3万公吨本地米

在本地白米特别计划下，每个月增加20%或等同于2.3万公吨本地白米供应的计划已开始进入市场，预计供应将在1个月内恢复正常。

莫哈末沙布说，这些本地米配额，每个月将额外供应2.3万公吨白米，为期一年。第一批（9月8日）已通过5家批发公司发放，第二批（9月15日）已通过130家批发公司发放。

### 国稻尚有10年合约

他补充，目前慕达农业发展局（MADA）已收割超过20%稻田，预计可在1至2个月内上市。

对于峇央峇鲁国会议员沈志勤提出"是否考虑开放20至30%白米进口权予其他公司"的建议，以避免依赖国家稻米公司（BERNAS）采购进口米一事，莫哈末沙布坦言，BERNAS尚有10年合约经营权，若更改则需与更高领导层进一步商讨。

"这10年合约经营权是前任首相（丹斯里）慕尤丁任相期间，BERNAS与政府所达成，我们必须重新检视合约，并与首相、经济部及其他相关部门讨论。我们注重此建议，会将此事带到更高层面讨论。"

Powered by: isentia

| Headline | No plans to ban foreigners from buying local rice | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 19 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 3 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 292 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,848 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 26,545 |





莫哈末沙布强调，经调查，没有证据显示有本地白米充装进口白米高价出售的情况。（马新社图）

# 沒禁外籍人買本地米

## 末沙布：爲馬貢獻發展

（吉隆坡18日讯）农业及粮食安全部长莫哈末沙布说，农业及粮食安全部目前没商讨和决定是否禁止外籍人士购买本地白米。

他今日在国会特别会议就第12大马计划中期检讨进行部门总结时说，外籍人士也要吃饭。

他回答土团党马樟国会议员袁怀绍附加提问时说，外籍人士长居国内，也是为了发展马来西亚。

袁怀绍声称，马六甲州郊区发展、农业及食品安全事务行政议员莫哈末阿克玛日前建议禁止外籍人士购买本地米。

“莫哈末阿克玛建议只在马六甲州内施实而已。”

### 未发现有本地米调包

此外，莫哈末沙布说，根据该部调查，至今并没有确凿证据，可证明本地白米被包装成进口米，再以更高售价销售给民众。

他表示，之前媒体曾报道一些批发商为牟取暴利，试图更换包装，将本地白米包装成进口白米销售，以逃避有关当局援引统制品法令来管控有关本地白米。

他说，接获投报后，该部迅速地在8月16日对碾米商、批发商及到米厂展开突击检举。

“结果，没有确凿的证据，证明有人将本地白米包装成进口白米，并以更高进口米价格出售。”

## 土團議員指米價暴漲引民怨

# 末沙布斥提問不做功課

另一方面，在总结即将进入尾声，土团党乌鲁登嘉楼国会议员拿督罗索华希附加提问，指民间抱怨为何米粮价格突然暴涨至每10公斤42令吉，莫哈末沙布听了直斥，罗索华希进来打岔提问却不知头不知尾。

他重申，宣布涨价的是进口白米，本地白米依旧统制在每10公斤26令吉，或每公斤2令吉60仙。

他说，为了解决白米供应量的课题，尤其在印度减少出口白米至大马的问题，该部近来落实了许多介入措施，所以有信心可解决国内白米的问题。

“这些措施包括规定每人购买本地白米，一次限额为100公斤；实施为期一年的本地白米特别计划（PKBPT），以提高20%或2万3000吨的本地白米产量，以进一步保障白米的供应充足等等。”

### 我国拥90万吨米粮储备

他说，我国现有90万吨国家米粮储备，是足够应付未来4至5个月的需求；这90万吨当中有25万吨属于政府米粮储备，另65万吨为米粮存货。

他补充，目前仍未陷入紧急时刻以动用该25万吨的米量储备，因65万吨的存货尚足够应付市场需求。

莫哈末沙布说，由于过去两周出现恐慌买米的情况，才使到米粮供应成为课题。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 1 |

# Pesawah Selangor gusar hasil padi 70 peratus kurang

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athir.ismail@mediamulia.com.my

**SABAK BERNAM:** Golongan pesawah di daerah ini dan Kuala Selangor makin gusar kerana perolehan hasil padi mereka merosot kira-kira 70 peratus daripada 12 tan satu petak sawah pada 2018 kepada hanya 3.5 tan kini.

Ini juga berlawanan dengan status Selangor yang mendapat julukan negeri dengan penghasilan padi per hektar paling banyak di negara ini iaitu enam hingga 10 tan metrik sehektar.

Keluasan petak sawah padi di negeri ini terutama di Selangor Utara iaitu Kuala Selangor dan Sabak Bernam yang menjadi kawasan tumpuan sektor pertanian tersebut adalah sekitar 1.2 hektar.

Lima tahun lalu, sebahagian pesawah memperoleh hasil padi sekitar 11 hingga 12 tan bagi satu petak sawah.

Bagaimanapun, hasil padi didakwa mulai merosot sejak 2018 apabila perolehan para pesawah menurun sehingga 3.5 tan bagi setiap petak.

Menurut seorang pengusahanya di Sungai Besar, Rahmat Basri, 56, rata-rata pesawah di kawasan itu mengalami penyusutan hasil padi meskipun tidak mengubah kaedah pengurusan penanamannya.

"Kita masih guna cara dan melalui proses yang sama seperti mendapatkan benih, baja dan racun daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) atau pengedar sah. Masa penanaman dan penuaian juga sesuai mengikut jenis benih.

"Yang berubah cuma benih yang dibekalkan, sekarang jenis digunakan adalah MR269, MR297 dan MR315 dengan tempoh matangnya antara 110 hingga 115 hari. Namun persoalannya adalah hasil yang berkurangan," katanya ketika ditemui.

**Bersambung di muka 2**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |

# Pesawah Selangor gusar hasil padi 70 peratus kurang

Dari muka 1

Rahmat berkata, pada peringkat awal, antara perkara dikenal pasti adalah kualiti tanah yang dipercayai semakin merosot apabila berlaku peningkatan tahap keasidannya berikutan kawasan utara negeri ini sudah lebih 60 tahun kira-kira 18,000 hektar tanah dijadikan tapak sawah padi.

"Tanah di Sungai Besar pernah diambil sampel dan diuji oleh pihak berkuasa, saya diberitahu tahap keasidannya kini berada pada paras empat, itu terlalu masam. Tahap yang ideal adalah enam atau tujuh (neutral).

"Antara faktor yang dikenalpasti adalah penggunaan racun yang terlalu banyak menyebabkan tanah jadi sedemikian.

"Tetapi, itu tak boleh elak sebab penanaman padi memang memerlukan racun dan disemai enam hingga 10 kali semusim untuk tangani masalah rumput, serangga perosak dan penyakit," jelasnya.

Seorang lagi pesawah, Mokhtar Talha, 59, memberitahu, kekurangan hasil padi menyebabkan ramai pesawah tertekan kerana kosnya terlalu mahal iaitu sekitar RM1,870 hingga RM2,600, belum kira pengusaha yang menyewa.

"Bagi setiap petak 1.2 hektar, untuk benih sahaja RM35 setiap 20 kilogram (kg) (satu beg), setiap petak perlukan lapan beg benih, kemudian racun sekitar RM1,200 hingga RM1,400 semusim.

"Jadi, bila hasil padi berkurangan memang tak seimbang. Dahulu di Sungai Besar ada 'Kelab 10 Tan' iaitu untuk pesawah yang berjaya peroleh hasil lebih 10 tan, sekarang siapa yang dapat lebih?

"Ada kawan beritahu, dia ke pejabat zakat untuk buat taksiran dan bayar zakat, tiba-tiba pegawai di kaunter cakap dia layak dapat bantuan zakat," selorohnya.

**Hasil jualan padi pukal di pusat PPK atau kilang swasta**

- RM1,470 per tan metrik (berdasarkan musim tuaian Julai lalu)
- RM500 per tan metrik (tambahan subsidi kerajaan)

**Kos penanaman padi semusim**

- Harga benih: RM35 per beg x8 beg setiap petak: RM280

**Racun**

- Rumput: RM200
- Rumput dan baja: RM140
- Serangga: RM100x6 kali hingga 10 kali semaian: RM600
- Ulat: RM100x6 kali hingga 10 kali semaian: RM600
- Upah pekerja meracun setiap petak (jika digunakan): RM50
- Upah penggunaan dron (jika digunakan): RM50
- Kadar sewa tanah semusim (bagi pesawah tidak memiliki tanah): RM2,500 hingga RM6,000
- Anggaran kos semusim tanpa subsidi baja dan racun: RM1,870 hingga RM2,670

**Anggaran kiraan hasil bersih pesawah di tanah sendiri berdasarkan berat padi semusim:**

- 3.5 tan: RM4,225 hingga RM5,025
- 5 tan: RM7,180 hingga RM7,980
- 8 tan: RM13,090 hingga RM13,890
- 10 tan: RM17,090 hingga RM17,830
- 12 tan: RM20,970 hingga RM21,770

**Anggaran pendapatan pesawah setiap bulan untuk dua musim:**

- 3.5 tan: RM837.50 sebulan
- 5 tan: RM1,330 sebulan
- 8 tan: RM2,315 sebulan
- 10 tan: RM2,971 sebulan
- 12 tan: RM3,628 sebulan

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/9/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 9 |

# Bekalan beras negara mencukupi, tiada keperluan guna stok penimbal

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia mempunyai stok bekalan beras sebanyak 900,000 tan iaitu 250,000 tan stok penimbal dan 650,000 tan bagi stok dagangan yang mencukupi bagi menampung keperluan beras negara bagi tempoh empat hingga lima bulan.

Susulan itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata pihaknya berpandangan masih belum ada keperluan mendesak yang bersifat kecemasan untuk menggunakan stok penimbal beras kerana stok dagangan sedia ada sebanyak 650,000 tan itu masih mencukupi bagi menampung keperluan domestik.

Beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kini giat melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi negara supaya mencapai sasaran Kadar Sara Diri (SSR) beras iaitu sebanyak 80 peratus menjelang 2030.

*Nasional* 9

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 9 |


# Jumpa menteri India cari penyelesaian isu sekatan eksport beras

*Dari Muka 1*

Katanya, antara inisiatif dilakukan adalah pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang diperluaskan dengan menyasarkan pelaksanaan program di kawasan seluas 150,000 hektar sawah padi dengan purata pengeluaran hasil sebanyak tujuh tan bagi setiap hektar.

"Program ini dilaksanakan berdasarkan kepada empat model iaitu model SMART SBB Padi Putih, SMART SBB Padi Wangi, SMART SBB Asnaf dan SMART SBB Mini Sekinchan.

"Program ini tidak menggunakan sebarang peruntukan tambahan daripada kerajaan, malah syarikat peneraju yang terbabit akan menanggung kos pelaksanaan operasi sehingga RM3,200 per hektar," katanya ketika menggulung perbahasan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi kementeriannya di Dewan Rakyat, semalam.

Sementara itu, Mohamad berkata, beliau akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertanian dan Kebajikan Petani India bagi mencari penyelesaian terbaik dalam isu sekatan eksport.

Katanya, perkara itu sedang diusahakan KPKM untuk berunding bersama Kerajaan India pada masa ini.

"Saya selaku menteri yang bertanggungjawab dalam isu ini akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertanian dan Kebajikan Petani Negara India dalam masa terdekat.

"Selain itu, Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) turut terbabit dalam perundingan bersama negara sumber beras yang lain seperti Vietnam, Thailand dan Kemboja," katanya.

Menjawab celahan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) sama ada kerajaan akan membuka kuota import kepada syarikat lain untuk mewujudkan kestabilan memandangkan BERNAS dikatakan gagal menjalankan tugas untuk mengimport beras secukupnya, Mohamad berkata, konsesi BERNAS dilanjutkan selama 10 tahun lagi oleh bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Oleh itu, sebarang rombakan perlu melihat kepada perjanjian itu dan kita boleh berbincang dengan Perdana Menteri serta Menteri Ekonomi jika nak buat perubahan berkenaan.

"Hal ini demikian kerana perjanjian itu selama 10 tahun antara pihak kerajaan dengan BERNAS," katanya.

## Subsidi silang

Bagaimanapun, Mohamad berkata, isu BERNAS sebagai *single gatekeeper*, model penswastaan BERNAS adalah bersifat subsidi silang, iaitu keuntungan import akan diguna pakai untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab diberikan kerajaan.

Katanya, sehingga kini, KPKM berpandangan BERNAS melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik.

"Ini terbukti apabila bekalan beras negara tidak terputus ketika pandemik COVID-19 melanda dunia pada 2020.

"Jadi, KPKM meyakini dasar pengimport utama beras yang sedang dilaksanakan ketika ini adalah kaedah terbaik dalam menangani cabaran semasa dan mendatang," katanya.

Sementara itu, Mohamad, berkata penyertaan belia dalam sektor pertanian masih rendah, iaitu merangkumi 37 peratus daripada komposisi tenaga buruh pertanian.



*Mohamad pada sesi penggulungan perbahasan usul Kajian Separuh Penggal RMK12 di Dewan Rakyat, semalam.* (Foto BERNAMA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 3 |

# 'Bekalan beras kurang kerana belian panik'

Kerajaan juga tak sekat warga asing beli beras tempatan, kata Mat Sabu

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
KUALA LUMPUR

LAPORAN MUKA DEPAN

Dewan Rakyat pada Isnin diberitahu bahawa kekurangan bekalan beras putih tempatan di pasaran terjadi kerana berlaku pembelian panik oleh pengguna dan peniaga.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, apabila beras import naik harga, permintaan terhadap beras putih tempatan melonjak.

"Bila berlaku kenaikan harga beras import begitu tinggi, yang selalu beli beras import berubah (pembelian) ke beras tempatan menyebabkan berlaku kekurangan (bekalan di pasaran).

"Sebelum ini beras tempatan tidak dipedulikan sangat termasuk oleh para peniaga," katanya pada sesi penggulungan perbahasan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Dewan Rakyat.

Mohamad bagaimanapun memaklumkan kerajaan belum memutuskan untuk melarang warga asing daripada membeli beras tempatan.

"Warga asing pun perlu makan, jangan lupa mereka bekerja dan berkhidmat untuk membangunkan negara kita," ujarnya.

**Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang)** sebelum itu mencelah dan meminta Mohamad menyatakan keputusan kerajaan terhadap cadangan larangan pembelian beras tempatan kepada warga asing.

Mohamad menegaskan, beliau yakin langkah intervensi yang dilakukan dalam isu kekurangan beras tempatan itu termasuk pelaksanaan Operasi Beras Putih Tempatan akan dapat menangani masalah tersebut.

Dari segi stok bekalan beras negara, menurutnya, sehingga kini stok bekalan beras negara adalah sebanyak 900,000 tan metrik membabitkan 250,000 tan metrik simpanan stok dan 650,000 tan metrik stok dagangan.

"Jumlah ini adalah mencukupi untuk menampung keperluan beras negara bagi tempoh empat hingga lima bulan.

"Sehubungan itu kementerian berpandangan bahawa masih belum terdapat keperluan mendesak yang bersifat kecemasan untuk menggunakan stok simpanan stok yang berjumlah 250,000 tan metrik," jelasnya.



Stok bekalan beras negara kini adalah sebanyak 900,000 tan metrik.

Katanya, stok dagangan sedia ada sebanyak 650,000 tan metrik adalah mencukupi bagi menampung keperluan domestik.



MOHAMAD

Sementara itu, **Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh** berkata, kerajaan akan melancarkan Jualan Rahmah Beras dalam masa terdekat untuk membantu meringankan beban rakyat.

Kata beliau di Dewan Rakyat, melalui program itu pengguna boleh mendapatkan beras pada harga subsidi, menerusi peruntukan RM150 juta yang telah diluluskan di Parlimen.

"Beras merupakan barang kawalan yang KPDN tiada kuasa untuk mengawal harganya. Akan tetapi apabila hari-hari kita mendengar rintihan rakyat, maka KPDN cuba mencari jalan bagaimana dalam ruang lingkup KPDN kita boleh selesaikan isu kenaikan harga beras import dan ketiadaan beras tempatan seperti yang didakwa," katanya.

## Shahidan gesa kerajaan fokus tangani harga beras

KUALA LUMPUR - Ahli Parlimen Arau, Datuk Seri Shahidan Kassim menggesa kerajaan memberi fokus menangani kenaikan harga beras dan barang-barang lain yang menghimpit rakyat ketika ini.

Menurutnya, kenaikan harga beras, cili kering, bawang merah dan bawang putih sekarang amat membimbangkan dan tegasnya, isu tersebut harus dibawa dan dibahaskan di Parlimen.

"Tinjauan di Tampoi dan Masai menunjukkan kenaikan 30 sehingga 40 peratus. Ini mendatangkan kesan yang hebat kepada negara. Beras tempatan tidak ada di Johor.

"Di Kedah saya sempat suruh kawan-kawan saya beli sekampit (beras). Harganya tiga minggu lepas ialah RM23, sekarang RM35 (dan) ini adalah beras tempatan," katanya pada Sidang Khas Dewan Rakyat pada Isnin.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Ramli Md Nor kemudiannya mengambil maklum usul itu dan turut membacakan surat jawapan daripada Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul.

Ramli memberitahu, Johari telah meneliti usul dibawa oleh Shahidan itu dan memutuskan untuk menolaknya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 30 |

# Harga beras import mungkin naik?

**TELUK INTAN:** Seorang pemborong beras di sini mendakwa kemungkinan harga beras import akan naik bulan depan antaranya akibat kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS$).

Lim Hong Ong mendakwa, sudah ada cadangan oleh syarikat pengeluar beras untuk menaikkan harga beras import dijangka bulan depan.

"Antara punca adalah keadaan cuaca, nilai ringgit kita dan India sudah menghentikan eksport beras.

"Beras import terus menguasai pasaran di kedai di daerah ini ketika beras tempatan terus sukar diperoleh," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Katanya, harga beras tempatan bagi kampit lima kilogram (kg) pada harga RM13 manakala kampit 10kg adalah RM26. Bagi beras import pula, kampit 5kg berharga RM18 hingga RM19 manakala kampit 10kg berharga antara RM36 hingga RM38.

"Harga beras tempatan kekal kerana ia harga subsidi. Berdasarkan perbandingan harga beras tempatan dan import, memang berbeza," katanya.

Jelasnya, harga beras tempatan wajar diselaraskan bagi mengatasi kekurangan beras di pasaran ketika ini.

Katanya, keuntungan yang terlalu sedikit boleh menyebabkan segelintir peniaga beras, pemborong dan juga peniaga runcit mengurangkan jualan beras tempatan.

Katanya, jika tiada penyelarasan, ini boleh mengakibatkan kekurangan pasaran yang teruk.

"Justeru saya berpendapat penyelarasan harga beras tempatan merupakan penyelesaian kepada masalah kekurangan beras tempatan yang berlaku ketika ini menyebabkan ia sukar didapati di pasaran," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 6 |

# Stok beras sejuta tan, cukup 5 bulan

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Malaysia mempunyai stok bekalan beras sebanyak 900,000 tan, cukup bagi menampung keperluan beras negara untuk tempoh empat hingga lima bulan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak 250,000 tan metrik adalah stok penimbal manakala 650,000 tan metrik lagi adalah bagi stok dagangan semasa.

Justeru, katanya, belum ada keperluan mendesak yang bersifat kecemasan untuk menggunakan stok penimbal beras kerana stok dagangan sedia ada mencukupi bagi menampung keperluan domestik.

Dalam masa sama, katanya, kerajaan kini giat melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi negara supaya mencapai sasaran Kadar Sara Diri (SSR) beras sebanyak 80 peratus menjelang 2030.




"Antara inisiatif dilakukan adalah pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang diperluas dengan menyasarkan pelaksanaan program di kawasan seluas 150,000 hektar sawah padi dengan purata pengeluaran hasil sebanyak tujuh tan bagi setiap hektar.

"Program ini dilaksana berdasarkan kepada empat model iaitu model SMART SBB Padi Putih, SMART SBB Padi Wangi, SMART SBB Asnaf dan SMART SBB Mini Sekinchan.

"Program ini tidak menggunakan sebarang peruntukan tambahan daripada kerajaan, malah, syarikat peneraju akan menanggung kos pelaksanaan operasi sehingga RM3,200 per hektar," katanya semasa menggulung perbahasan usul Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi kementerian itu di Dewan Rakyat semalam.

Mohamad berkata, beliau juga akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertanian dan Kebajikan Petani India dalam masa terdekat bagi mencari penyelesaian terbaik dalam isu sekatan eksport.

"Selain itu, Padiberas Nasional Berhad (Bernas) turut terbabit dalam perundingan bersama negara sumber beras yang lain seperti Vietnam, Thailand dan Kemboja," katanya.

Mengenai cadangan melarang warga asing daripada membeli beras tempatan, beliau berkata, kementerian itu tidak bercadang melaksanakan perkara itu.

"Warga asing juga memerlukan beras sama seperti orang lain di negara ini. Jangan lupa, mereka pun berkhidmat untuk keperluan negara kita," katanya.

Beliau menjawab soalan Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal **(PN-Machang)** sama ada kerajaan akan melarang jualan beras putih tempatan dalam kalangan warga asing.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Dr. Muhamad Akmal Saleh turut mencadangkan supaya dihadkan penjualan beras tempatan kepada warga asing berikutan isu kekurangan bahan makanan ruji itu ketika ini.

Mohamad berkata, masalah kekurangan bekalan beras tempatan dalam pasaran hanya disebabkan pembelian panik oleh orang ramai apabila harga beras import naik secara mendadak.

"Sebelum ini, beras tempatan tidak dipedulikan sangat termasuk peniaga. Tetapi, apabila beras import naik, mereka mencari beras tempatan. Maka, beras tempatan menjadi permintaan utama yang menyebabkan ia berlaku sedikit kekurangan bekalan di pasaran," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2023 | KOSMO | NEGARA | 4 |

# Stok beras cukup, tampung keperluan sehingga 5 bulan

**KUALA LUMPUR** – Bekalan beras negara sebanyak 900,000 tan ketika ini adalah mencukupi bagi menampung keperluan bagi tempoh empat hingga lima bulan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, bekalan beras itu meliputi 250,000 tan stok penimbal dan 650,000 tan stok dagangan.

Susulan itu katanya, setakat ini masih belum ada keperluan mendesak untuk menggunakan stok penimbal beras kerana stok dagangan sedia ada mencukupi bagi menampung keperluan domestik.

"Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kini giat melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi negara bagi mencapai sasaran Kadar Sara Diri (SSR) beras sebanyak 80 peratus menjelang 2030.

"Antara inisiatif yang dilakukan adalah pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang menyasarkan pelaksanaan di kawasan seluas 150,000 hektar sawah padi dengan purata pengeluaran hasil sebanyak tujuh tan per hektar," katanya ketika menggulung perbahasan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Dewan Rakyat semalam.



**KERAJAAN beri jaminan bekalan beras negara masih mencukupi untuk menampung keperluan bagi tempoh lima bulan.** – GAMBAR HIASAN

Beliau menambah, program-program berkenaan dilaksanakan berdasarkan kepada empat model iaitu model SMART SBB Padi Putih, SMART SBB Padi Wangi, SMART SBB Asnaf dan SMART SBB Mini Sekinchan.

"Ia tidak menggunakan sebarang peruntukan tambahan daripada kerajaan, malahan syarikat peneraju yang terbabit akan menanggung kos pelaksanaan operasi sehingga RM3,200 per hektar," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/9/2023 | HARIAN METRO | MUKA DEPAN | 1 |

HANYA WARGA TEMPATAN BOLEH BELI BARANGAN BERSUBSIDI

# CADANG TUNJUK IC




Krisis ketiadaan beras tempatan bersubsidi yang tiba-tiba hilang sebaliknya lambakan beras import di pasaran menimbulkan rasa kurang senang warga tempatan kerana dikatakan warga asing juga bebas membeli menyebabkan makanan ruji itu berkurangan. Berikutan itu, ada dalam kalangan rakyat mencadangkan agar peruncit atau pasar raya mewajibkan pelanggan menunjukkan Mykad ketika mahu membeli barangan bersubsidi itu.

MS4&5

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2023 | NST | LETTER | 16 |

IMPACT ON EDUCATION

# Rice price hike affects students

**THE** shortage of supply and soaring prices of imported white rice have left consumers and vendors in a state of uncertainty.

The effects extend beyond the dining table, reaching into classrooms and impacting education. We believe the surge in the price of imported white rice to RM39 per 10 kilogramme is altering people's food-buying habits.

This has implications on students, especially those from the B40 group, who rely on local rice to sustain them.

When students are burdened by rising food costs and food scarcity, their focus on learning is compromised.

The local rice shortage and imported rice price hike are part of a larger issue on food security and its impact on education.

Long-term strategies are crucial to ensure students have access to affordable and nutritious food.

**NURSHAHIRAH AZMAN & NOOR FAZZRIENEE J.Z. NUN RAMLAN**
Lecturers, UiTM, Perak

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2023 | NST | NATION | 5 |

EASING SHORTAGE

# Mat Sabu: Talks with India soon on rice imports

**KUALA LUMPUR:** Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said in the Dewan Rakyat yesterday that the government will negotiate with New Delhi to allow Malaysia to import rice from India.

He said this would be one of the efforts to alleviate the white rice shortage in the country.

"As the agriculture and food security minister, I will meet India's agriculture and farmers' welfare minister soon to discuss the best solution to India's rice export restriction.

"Padiberas Nasional Bhd is also negotiating with other rice-producing countries, such as Thailand, Vietnam and Cambodia."

He said Malaysia's rice stockpile was sufficient to meet the country's needs for four to five months.

"The rice stockpile is at 900,000 tonnes, comprising 250,000 tonnes of the government stockpile and 650,000 tonnes of commercial stock.

"This is sufficient to cover the country's rice needs for four to five months."



A harvesting machine in a padi field near Butterworth, Penang, recently. A government scheme aims to increase padi yield to seven tonnes per hectare. PIC BY DANIAL SAAD

"So the ministry believes that there is no urgency to use the 250,000-tonne stockpile. The commercial stock of 650,000 tonnes is enough to cover domestic needs."

He said the ministry, apart from enforcement and engagement sessions with stakeholders, was working on initiatives to increase rice production to meet 80 per cent of the country's needs by 2030.

Among the initiatives is to expand the SMART Large-Scale Padi (SMART SBB) programme 150,000ha of padi fields.

The programme aims to increase padi yield to seven tonnes per hectare.

"This programme is implemented based on four models: SMART SBB Padi Putih, SMART SBB Padi Wangi, SMART SBB Asnaf and SMART SBB Mini Sekinchan.

"The programme does not use additional funds from the government and the companies involved will bear the operational costs amounting up to RM3,200 per hectare."

He said this during the winding-up debate on the 12th Malaysia Plan midterm review.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2023 | THE STAR | NATION | 7 |



**Breakaway moment**

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim (third from left) sharing a light moment with guests at the Parliament's 12th Malaysia Plan mid-term review at the Dewan Rakyat in Kuala Lumpur. — Bernama

# 'Rice supply issues to be resolved soon'

## Mat Sabu: We have enough supply for five months

RICE supply issues are expected to be resolved in a month's time, says Datuk Seri Mohamad Sabu, while dismissing calls to ban foreigners from buying local varieties of the daily staple.

The Agriculture and Food Security Minister added that the country has enough rice for up to five months and that the government has launched a programme to increase stockpiles of locally-produced white rice (BPT) by 20%.

"Foreigners must eat too. Don't forget that they are also working to help build our country. There are no plans for this as of now," he told the Dewan Rakyat in his winding up speech during debates on the 12th Malaysia Plan mid-term review (12MP MTR) yesterday.

Mohamad was responding to a question by Wan Ahmad Fayshal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang) on whether the government intended to restrict the sale of BPT to foreigners.

This followed a similar suggestion from Melaka rural development, agriculture and food security committee chairman Dr Akmal Saleh who said the needs of the locals must be prioritised.

These calls were made after complaints emerged nationwide of shortages of BPT due to increased demand after prices for imported rice had gone up. BPT prices are controlled by the government, while imported varieties are not.

Mohamad said the current rice stockpile stood at 900,000 million metric tonnes.

"This comprises 250,000 million metric tonnes of government stockpiles and 650,000 metric tonnes of commercial stock. This is enough for the next four to five months."



**Grain matter:** Mohamad speaking on the issue of rice supply at the Dewan Rakyat in Kuala Lumpur. — Bernama

The ministry believes there is no pressing need to use the government's rice stockpile yet, he added, saying that supplies were expected to recover in a month's time.

Among the measures taken to increase supplies is a programme with millers and suppliers to increase stockpiles by 20% to 23,000 metric tonnes a month for a period of one year.

He added that the Muda Agricultural Development Authority (Mada) has also started harvesting more padi, he said.

"They have harvested 20% more padi so there will be more local rice in one or two months," he said.

Mohamad said the ministry would meet with the Indian government to find a solution for imported rice supplies, after India stopped exports.

"Padiberas Nasional Bhd (Bernas) will also be having discussions with other source countries such as Vietnam, Thailand and Cambodia," he said.

Mohamad also told Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) that Bernas would continue to be the country's sole importer of rice after its concession was extended for another 10 years by former prime minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"We can discuss this suggestion with the Prime Minister and Economy Minister," Mohamad said of Sim's suggestion to review the arrangement with Bernas.

"We will discuss this among the leadership on what actions we can take," he said.

Separately, Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh brushed aside allegations by Datuk Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz (PN-Tanah Merah) that subsidised sugar was being repackaged and sold at commercial prices.

"It's not the same type of sugar. They can't just repackage it as we monitor the supply," she said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2023 | THE STAR | NATION | 8 |

# Only the brave ride bulls, Mat Sabu tells Hadi in cheeky response

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Mohamad Sabu has invited Tan Sri Abdul Hadi Awang to ride a bull with him in Spain.

The Agriculture and Food Security Minister said this in a tongue-in-cheek response to the Marang MP who had chided him for riding a bull instead of tackling the rising price of beef.

"In Bachok, I rode a bull. I want to invite Marang. Let's go to Spain one day and ride the Matador bull. Only brave men dare to ride bulls," he told the Dewan Rakyat yesterday.

In the Dewan Rakyat on Sept 13, Abdul Hadi, who is PAS president, said Mohamad should focus on the price of meat instead of going bull-riding.

Mohamad said the ministry would continue to ensure that every state had food security regardless of which political coalition was in charge.

"The most important thing is cooperation. What we want is sufficient rice for the nation," he said in his winding-up speech during the debate on the 12th Malaysia Plan mid-term review.

Separately, Mohamad criticised Hulu Terengganu MP Datuk Rosol Wahid for claiming that the price of local white rice had increased.

"(Local) rice has remained at RM26 (per 10kg). You weren't in the hall when I was speaking. Why are you interjecting without understanding the matter?

"The price of local white rice did not increase. It's the price of imported white rice that increased. You didn't listen, yet you come and interrupt. Then, you go back and tell what I said to your constituents," he said to cheers from the House.

Parliament is currently having a six-day special sitting from Sept 11-19, to debate the 12th Malaysia Plan mid-term review.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 9 |

# Program Jualan Rahmah Beras hari ini

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menganjurkan program Jualan Rahmah Beras hari ini bagi membantu rakyat yang kini terbeban dengan kenaikan harga makanan berkenaan.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh, berkata program Jualan Rahmah Beras diadakan dengan harga diskaun.

"Tunggu esok (hari ini), kita lancar Jualan Rahmah Beras.

"Rakyat akan dapat beras dengan harga diskaun subsidi oleh kerajaan di bawah KPDN," katanya ketika menggulung perbahasan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Dewan Rakyat, semalam.

Mengulas lanjut, Fuziah berkata, pihaknya juga akan mengumumkan mekanisme berkaitan program itu nanti.

"Sebenarnya berkenaan kawal selia padi dan beras, kita semua tahu ia berada di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) daripada A sampai Z.

"Beras adalah barang kawalan, KPDN tidak ada punca kuasa untuk mengawalnya, harga pun kita tidak ada kuasa (untuk kawal), tetapi setiap hari kita mendengar rintihan rakyat, ada yang merayu. Saya juga mendengar rintihan ahli Parlimen yang mewakili rakyat.

"Jadi, KPDN cuba mencari jalan bagaimana dalam ruang lingkup bidang kuasa kita boleh menyelesaikan isu kenaikan harga beras import dan ketiadaan beras tempatan," katanya.